

**AKUAN BERKANUN**

Saya, \_\_\_\_\_  
(No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_), yang beralamat di  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ dengan sesungguhnya dan sebenarnya  
MENGAKU dan BERIKRAR seperti berikut:-

1. Saya mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan Bank Simpanan Nasional ("BSN") dan Cagamas Berhad ("Cagamas") telah melancarkan Skim Perumahan Belia ("SPB"), dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") kepada belia-belia yang layak tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tersebut satu-persatu di dalamnya.
2. Saya dengan ini mengaku bahawa \*suami/\*isteri saya iaitu \_\_\_\_\_ (No. K/P \_\_\_\_\_) ("Pemohon") berhasrat untuk menyertai SPB bagi pembelian satu unit rumah kediaman ("Hartanah").
3. Saya dengan ini mengaku bahawa ini adalah kali pertama kami membeli rumah dan Hartanah ini akan menjadi rumah pertama kami. Hartanah ini hendaklah digunakan sebagai kediaman kami sendiri.
4. (a) Saya dengan ini memberi kuasa kepada KWSP untuk menzahirkan apa-apa maklumat saya kepada BSN berkaitan dengan rekod pengeluaran KWSP.  
(b) Sekiranya saya berhasrat untuk mengeluarkan simpanan KWSP saya di bawah Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan ("PABPP") sebagai bayaran ansuran bulanan untuk Pinjaman Perumahan/Kemudahan di bawah SPB yang akan ditawarkan oleh BSN, saya dengan ini memberi persetujuan dan kuasa kepada KWSP untuk membayar PABPP terus keAkaun Pinjaman Perumahan/Kemudahan saya di BSN tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dan memenuhi prosedur yang ditetapkan oleh KWSP.
5. Saya dengan ini bersetuju bahawa BSN diberi kuasa tidak boleh batal untuk menzahirkan dan/atau memberikan dan/atau untuk memperoleh apa-apa maklumat mengenai saya (termasuk apa-apa data peribadi) termasuk tetapi tidak terhad kepada butir-butir pinjaman/kemudahan (termasuk lain-lain kemudahan yang telah diberikan atau yang akan diberikan oleh BSN kepada saya), apa-apa cagaran yang diambil dan urusniaga yang dijalankan dengan BSN, kepada semua atau mana-mana pihak yang berikut: -
  - (i) Kerajaan Malaysia;
  - (ii) Cagamas Berhad;
  - (iii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;

- (iv) mana-mana individu dan /atau pihak yang mana BSN adalah di bawah tanggungjawab untuk membuat penzahiran sebagaimana yang difikirkan perlu; dan
  - (iv) mana-mana pihak sekuriti.
6. Saya juga menyedari bahawa saya membuatakuan ini di dalam pengetahuan dan kesedaran bahawa kebergantungan Bank sepenuhnya kepada akuan ini sebagai penentu atau asas untuk memberikan/terus memberi Pinjaman /Kemudahan Perumahan di bawah SPB kepada Pemohon.
  7. Saya juga menyedari bahawa adalah menjadi satu kesalahan jenayah bilamana saya mempengaruhi Bank untuk memberikan Pinjaman / Kemudahan Perumahan di bawah SPB kepada Pemohon berdasarkan pengisytiharan palsu.
  8. Saya juga sedar bahawa hukuman penal yang akan dikenakan akibat tindakan pengisytiharan palsu seperti di atas adalah termasuk: -
    - (a) Dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun dan boleh juga dikenakan denda mengikut Seksyen 193 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 199 Kanun Keseksaan; atau
    - (b) Dipenjarakan untuk tempoh tidak kurang daripada 1 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan dengan sebatan dan boleh juga dikenakan denda selaras dengan seksyen 420 Kanun Keseksaan.
  9. Saya dengan ini bersetuju bahawa sekiranya pengisytiharan yang dibuat seperti yang dinyatakan di atas didapati palsu maka BSN mempunyai hak mutlak untuk menarik balik, membatalkan atau menamatkan permohonan/kemudahan untuk SPB yang diluluskan kepada Pemohon.
  10. Saya membuat pengakuan dengan penuh kepercayaan bahawa perkara-perkara di atas adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

**DITANDATANGANI dan DIAKUI OLEH** )  
 )  
 (NO. K/P \_\_\_\_\_) )  
 pada )

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah,